



1. **Lagu pujian**
2. **Doa syukur,pujian dan mengaku dosa**
3. **Renungan Firman Allah**
4. **Doa Responsif**
5. **Pengisytiharan:** 2 Tawarikh 7:14-15
6. **Berdoa untuk Negara:** (ambil drpd berita terkini, ataupun merujuk kpd kemas kini disediakan drpd General Conf.)

Minggu pertama: Bersiap sedia untuk Yesus

Renungan Firman Allah : Buku Injil Matius 25:1-13

Sebagai pengantin perempuan Yesus, sikap kita harus seperti lima anak dara yang bijak, bukan lima anak dara yang bodoh. Walaupun ketibaan pengantin lelaki tertangguh dalam perumpamaan ini, ia bukanlah alasan bahawa kurangnya persiapan kita terhadap kedatangan pengantin lelaki. Kelewatan ini juga bukan alasan untuk pengantin perempuan Kristus untuk mula bersikap angkuh. Gereja masa kini kelihatan sedang tidur dan tidak aktif bekerja dalam Kerajaan Tuhan. Gereja sepatutnya bersiap sedia sepenuhnya untuk kedatangan Tuhan yang pasti akan terjadi di bumi ini untuk mengelakkan kelesuan rohani tersebut.

- Doakan supaya pengantin perempuan Kristus membuat persiapan awal untuk kepulangan pengantin lelaki syurgawi.
- Doa agar umat-umat Tuhan hidup suci dan tidak tercela di dalam dunia ini (2 Ptr 3:14)
- Doa supaya gereja mengutamakan penginjilan dan misi kerana kedatangan-Nya yang kedua hamper akan terjadi.

Minggu Kedua: Tetap KUAT dalam menghadapi saat yang mencabarkan

Renungan Firman Allah: Kisah Para Rasul 16:25-26

Apakah reaksi Paulus dan Silas apabila mereka dipenjarakan? Mereka berdoa, menyembah dan mengundang hadirat Tuhan ke dalam penjara! Walaupun pihak berkuasa ketika itu memasukkan mereka ke dalam penjara, mereka tahu Tuhan mempunyai kuasa yang lebih hebat.

- Mari kita bersetuju secara lisan yang Tuhan mempunyai kuasa ke atas hidup kamu, gereja kamu, negara kita dan semua negara di atas bumi.
- Doa supaya gereja Malaysia akan bertindak seperti yang dilakukan oleh Paulus dan Silas apabila menghadapi cabaran – berdoa, menyembah dan mengundang hadirat Tuhan ke dalam negara kita.
- Mohon kepada Bapa supaya selaraskan hati kita dengan hati-Nya untuk kebangunan rohani Negara ini bahkan mengenal dan menjadi sebahagian daripadanya.

Minggu Ketiga: Berjuang dalam Kerajaan Tuhan

Renungan Firman Allah: Efesus 6:10-13

Apabila kita berjuang dalam kerajaan Tuhan, kita bukan bergelut dengan apa yang kelihatan dalam dunia fizikal tetapi dalam dunia rohani. Inilah sebabnya kita harus berdiri kukuh dalam kuasa Tuhan kerana kuasa-Nya yang akan memenangi pertarungan kita. Jika gereja Malaysia ingin meraih kemenangan dalam masalah yang dihadapi, kita perlu terlebih dahulu meraih kemenangan dalam dunia rohani. Mari kita berdiri kukuh dalam Tuhan dan berdoa agar KERAJAAN-NYA akan bertakhta di Malaysia.

- Berdoa untuk orang-orang Kristian di Malaysia menjadi umat yang setia kepada Kerajaan Tuhan supaya tabah dan berdiri teguh untuk iman mereka dalam melawan sebarang serangan.
- Marilah kita teruskan mendukung Negara kita dalam doa. Marilah kita memakai seluruh perlengkapan senjata Allah dan bersiap sedia untuk peperangan.



Minggu keempat: Garam dunia

Renungan Firman Allah: Buku Injil Matius 5:13

Sebagai pengikut-pengikut Yesus, kita mempunyai ciri-ciri dan pengaruh seperti dalam garam. Kita memberi impak kepada Negara dengan kehadiran kita. Kepercayaan, nilainilai dan kerinduan kita yang memancar melalui pilihan, ucapan, perbuatan dan gaya hidup kita sepatutnya mempengaruhi masyarakat kitamembasminya daripada unsur-unsur merosak atau memusnahkan dengan menjaga integriti supaya kita boleh mengimpak Negara kita.

- Doa agar murid-murid Yesus tidak akan bertolak-ansur dan sedia berkorban dengan membayar harga untuk berbeza atau kudus, hidup berdasarkan piawaian Tuhan dan menjadi contoh integriti di manapun kita berada.
- Doa agar Kristian akan melibatkan diri mereka dalam isu-isu sosial, berani bersuara menentang ketidakadilan tetapi dengan hikmat, rendah hati dan kasih.
- Doa agar lebih ramai Kristian menglibatkan diri dalam sektor kerajaan dan pendidikan.